PP

lwn.

DATO' WAAD MANSOR

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
MOHD NOOR ABDULLAH H
[KES JENAYAH NO: 45-[6-7]-98]
13 DISEMBER 1999

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Seksyen 2(1) Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970 - Rasuah - Melakukan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam untuk kepentingan kewangan - Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan - Gagal mengisytiharkan kepentingan ketika Majlis Mesyuarat Kerajaan menimbang permohonan syarikat milik isteri untuk mendapatkan tanah kerajaan - Pembuktian - Kepercayaan bahawa isteri tiada lagi kepentingan dalam syarikat pada tarikh yang relevan - Samada menimbulkan keraguan yang munasabah*

Tertuduh dituduh dengan tiga pertuduhan di bawah s. 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970 ('Ordinan'), kerana melakukan perbuatan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam beliau untuk kepentingan kewangannya. Tertuduh pada waktu material adalah seorang ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan dan juga seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ('MMK'). Fakta menunjukkan bahawa pada 4 November 1991, isteri tertuduh ('Datin Noraini'), beserta dua orang lagi telah menubuhkan sebuah syarikat ('Teraju Nusantara'). Pada 25 November 1991, Teraju Nusantara memohon sebidang tanah kerajaan seluas 20.146 hektar bagi maksud kuari granite. Berikutnya, Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin, yang mana tertuduh merupakan seorang ahli, telah bermesyuarat pada 21 Disember 1992, dan keputusan dibuat bagi melanjutkan permohonan Teraju Nusantara ke MMK dengan syor untuk diluluskan. Tertuduh hadir pada mesyuarat Jawatankuasa Tanah berkenaan tetapi gagal mengisytiharkan kepentingannya dalam Teraju Nusantara. Tertuduh dengan itu dihadapkan dengan pertuduhan pertama di sini.

Pada 28 April 1993, MMK telah bersidang dan telah mempertimbangkan antara lain permohonan Teraju Nusantara. MMK meluluskan permohonan tersebut dan menetapkan premium sebanyak RM500 se ekar. Tertuduh hadir di mesyuarat tersebut tetapi gagal mengisytiharkan kepentingannya. Tertuduh dengan itu dihadapkan dengan pertuduhan kedua.

Fakta seterusnya menunjukkan bahawa Teraju Nusantara gagal membayar premium RM500 se ekar dalam tempoh yang ditetapkan dan memohon supaya tempoh pembayaran dilanjutkan. Pada 26 Januari 1994, MMK telah menimbang

permohonan untuk melanjut masa tersebut dan memutuskan untuk memberi perlanjutan masa untuk tempoh enam bulan. Tertuduh hadir di mesyuarat MMK ini tetapi gagal mengisytiharkan kepentingannya dan tertuduh dituduh dengan pertuduhan ketiga.

Di hadapan Yang Arif Hakim, pendakwaan mengemukakan keterangan lanjut bahawa, setelah memperolehi kelulusan di atas dari MMK, pengarah-pengarah Teraju Nusantara telah menjual kepentingan mereka dalam Teraju Nusantara kepada seorang Dato' Rosie Tan dengan harga RM1.1 juta, dan berikutnya, Dato' Rosie Tan telah membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM150,000 kepada tertuduh, RM130,000 kepada Datin Noraini dan RM50,000 masing-masingnya kepada pengarah Teraju Nusantara yang lain.

Dalam pembelaannya tertuduh menyatakan bahawa beliau percaya bahawa isterinya telah meletakkan jawatan sebagai pengarah dan telah melupuskan sahamnya dalam Teraju Nusantara sebelum tiga tarikh yang relevan di sini. Keterangan tertuduh ini disokong oleh beberapa saksi pembela, termasuk oleh SP20, iaitu YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, yang antara lain menyatakan bahawa "pada Mesyuarat 28 April 1993 semasa EXCO menimbangkan permohonan Teraju Nusantara, tertuduh ada bertanya saya di pejabat saya samada dia perlu mengisytiharkan kepentingannya kerana isterinya dahulu pengarah dan ada kepentingan tapi sekarang bukan lagi pengarah dan tiada kepentingan. Saya beritahu tertuduh dia tidak perlu isytiharkan".

Soalan yang berbangkit ialah samada dalam halkedaan yang wujud, tertuduh boleh disabitkan dengan kesalahan rasuah di bawah s. 2(1) Ordinan.

Diputuskan:

[1] Adalah terbukti tanpa sebarang keraguan munasabah bahawa tertuduh hadir di mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin, dan di mesyuarat-mesyuarat MMK yang berkaitan di mana mesyuarat tersebut telah menimbang dan meluluskan permohonan Teraju Nusantara yang pada tarikh-tarikh tersebut Datin Noraini, isteri tertuduh, adalah seorang pengarah dan pemilik saham Teraju Nusantara. Melihat kepada fakta kes, amat menakjubkan jika tertuduh tidak tahu siapa sebenarnya memohon tanah kuari yang berkenaan.

[2] Keterangan juga menunjukkan bahawa kepentingan tertuduh mahupun kepentingan isterinya wujud dan masih berterusan pada ketiga-tiga tarikh yang berkenaan di dalam pertuduhan. Kesimpulannya, pendakwaan telah membuktikan kesnya berdasarkan pembuktian *prima facie* tanpa keraguan yang munasabah ke atas tiga pertuduhan sebagaimana dipinda dan tertuduh dengan itu dipanggil untuk membela diri

[3] Mengambilkira keterangan Cikgu Wahab yang diarah oleh tertuduh untuk mengeluarkan Datin Noraini dari syarikat itu, keterangan Jalil yang menerima arahan dari Ismail untuk mengeluarkan Datin Noraini dari syarikat itu dan menyerahkan Borang 49 dan Borang 32A untuk ditandatangani, keterangan Hashim Baba yang menyediakan dua set Borang 49 dan Borang 32A bertarikh 20 November 1992 dan 26 Februari 1993, dan seterusnya keterangan YAB Menteri Besar tentang pertanyaan tertuduh, adalah didapati bahawa keterangan saksi-saksi ini mungkin benar walaupun ada perkara yang meragukan. Pembelaan tertuduh, dengan hal yang demikian, telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Dengan lain perkataan, tertuduh tidak menggunakan kedudukannya untuk kepentingannya kerana tertuduh sesungguhnya percaya pada masa beliau hadir di mesyuarat-mesyuarat itu isterinya tiada lagi apa-apa kepentingan dalam Teraju Nusantara.

[4] Mahkamah tidak menerima hakikat bahawa tertuduh dan isterinya tidak menerima wang sebanyak RM280,000 dari Dato' Rosie Tan hasil dari jualan saham Teraju Nusantara. Walaupun begitu, pembelaan tertuduh bahawa tertuduh sesungguhnya percaya isterinya tiada apa-apa kepentingan pada tiga tarikh tersebut adalah tidak terjejas. Dengan mahkamah menerima bahawa tertuduh sesungguhnya percaya bahawa isterinya tiada sebarang kepentingan semasa tertuduh menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut, maka tertuduh tidak menggunakan kedudukannya untuk kepentingannya di bawah s. 2 Ordinan walaupun beliau ada menerima wang/kepentingan kewangan.

[Tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada semua pertuduhan.]

Kes yang dirujuk:
Bond v. Foran [1934] 52 CLR 364 ***(dirujuk)***
Hj Abdul Ghani Ishak & Anor v. PP [1981] 2 MLJ 230 ***(dirujuk)***
Lt Kol Yusof Abdul Rahman v. Kol Anuar Md Amin [1997] 2 CLJ 752 ***(dirujuk)***
Nunis v. PP [1982] 2 MLJ 114 ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Hj Muslim Hj Othman [1983] 1 MLJ 45 ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Tan Cheng Swee & Ors [1979] 1 MLJ 166 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 180, 425
Emergency (Essential Powers) Ordinance No 22 1970, s. 2

Bagi pihak tertuduh - Christopher Fernando; M/s Aris Rizal Christopher Fernando & Co
Bagi pihak PP - Dato' Rahim Uda DPP (Mohd Saiful Idris bersamanya)

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Mohd Noor Abdullah H:

Dato' Waad bin Mansor dipertuduh atas tiga pertuduhan melakukan perbuatan rasuah sebagaimana kesalahan itu ditakrif di bawah s. 2 Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970 yang berbunyi:

> 2. (1) Mana-mana Anggota pentadbiran atau mana-mana Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau mana-mana pegawai awam, yang semasa menjadi Anggota, Ahli atau pegawai yang sedemikian itu melakukan apa-apa perbuatan rasuah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada empat belas tahun atau denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara dan denda itu kedua-duanya.
>
> (2) Bagi maksud seksyen ini – 'perbuatan rasuah' ertinya apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana Anggota, Ahli atau pegawai yang tersebut dalam seksyen kecil (1) atas sifatnya sebagai Anggota, Ahli atau pegawai itu, iaitu dengan perbuatan itu ia telah menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk kepentingan kewangannya atau untuk apa-apa kepentingannya yang lain; dan dengan tidak menyentuh yang tersebut di atas itu, berhubung dengan seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri termasuklah apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan peruntukan seksyen kecil (8) seksyen 2 dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan sesuatu Negeri;
>
> "Anggota Pentadbiran" adalah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan;
>
> "Ahli Dewan Undangan Negeri" termasuklah seseorang Pegawai Awam yang menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan menurut jawatannya;
>
> "pegawai awam" adalah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam s. 2 Akta Pencegah Rasuah 1961.

Adalah diperhatikan bahawa kesalahan melakukan perbuatan rasuah mengandungi dua unsur yang penting: pertama, menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya dan kedua, untuk kepentingan kewangannya atau untuk apa-apa kepentingannya yang lain. Kedua-dua unsur ini telah diteliti, dijelaskan dan diputuskan pengertiannya oleh hakim-hakim dahulu yang bijaksana. Dalam kes *PR v. Dato' Hj. Muslim b. Hj. Othman* [1983] 1 MLJ 45 hakim Hashim Yeop A. Sani memutuskan:

> The physical presence of the accused at the Exco Meeting which passed the application for land was sufficient in the circumstances for him to be regarded in law to have used his public position or office for his pecuniary or other advantage.

Dalam satu keputusan yang lain pula unsur kepentingan kewangan atau kepentingan lain telah dikupas dan dihalusi oleh hakim Abdul Hamid FJ dalam kes *Nunis v. PR* [1982] 2 MLJ 114 sebegini:

> (i) the words "other advantage" should be given a very wide meaning on the facts of each case. The 'other advantage' need not necessarily be pecuniary in nature;
>
> (ii) it was clear from the evidence in this case that the applicant abused his public position when he assisted or gave aid to his brother in law. It was beneficial to him personally that by so doing he could provide benefits to close members of his family.

YA Wan Yahya J pula berpendapat: "In my view any interest relating to money or money's worth any interest that could be converted into money, or any interest the object of which is to make money falls in the category of pecuniary interest." (*Haji Abdul Ghani bin Ishak & Anor v. PP* [1981] 2 MLJ 230).

Saya amati bahawa ungkapan "untuk kepentingan kewangannya atau untuk apa-apa kepentingannya yang lain" mendahulukan yang khusus dan mengemudiankan yang am. Peruntukan statut cara begini boleh menimbulkan tafsiran bahawa yang khusus menyekat yang am menurut *ejusdem generis* rule. In considering the expression 'house, office, room or other place' Dixon J memutuskan "the word 'place' must be something *ejusdem generis* with the words which preceded it. There a genus was created and limited the general expression." (*Bond v. Foran* [1934] 52 CLR 364). Peruntukan ini dapat mengelakkan sebarang keraguan jika ia berbunyi "untuk apa jua kepentingannya termasuk kepentingan kewangannya".

Di sini saya berpendapat ungkapan "apa-apa kepentingannya yang lain" yang sedia ada dalam s. 2 Akta itu termasuk future advantage/**kepentingan yang akan datang,** atau proposed advantage/**kepentingan yang dicadangkan** contohnya A melakukan perbuatan rasuah jika A atau ahli keluarganya yang terdekat menerima kepentingan atau kepentingan kewangan **kemudiannya** asalkan kepentingan kemudian/akan datang itu mendorong A menggunakan kedudukannya atau jawatan awamnya. Inilah maksud tersirat hakim Abdul Hamid FJ apabila beliau berkata "the words 'other advantage' should be given a very wide meaning on the facts of each case". Dalam kes yang saya bicarakan ini saya menjejaki saranan itu dan memberikan tafsiran yang menyeluruh dan mengembang.

Sayugia telah diperkatakan bahawa tujuan Ordinan 22 ini digubal ialah untuk menebar ke kancah pengadilan politikus yang rakus dan rasuah serta pegawai awam yang menyalahgunakan kedudukan atau jawatannya untuk apa jua kepentingannya. (*Hj. Abdul Ghani bin Ishak & Anor v. PP* [1981] 2 MLJ 230).

Makna menyalahgunakan kuasa adalah luas dan masih terbuka. Ordinan 22 ini mengadunkan kesalahan rasuah di dalam Kanun Kesiksaan dan Akta Pencegah Rasuah dan selainnya yang tidak termasuk di dalam kedua-dua undang-undang itu (*PP v. Datuk Tan Cheng Swee & Ors* [1979] 1 MLJ 166).

Kedudukan Tertuduh

Tertuduh telah menjadi ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan mulai daripada 22 Mei 1982 setelah memenangi pilihanraya kecil pada 1982 dan seterusnya memenangi pilihanraya pada 1986 dan dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Tertuduh menang lagi dalam pilihanraya pada 1990 dan dilantik semula sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Pada pilihanraya 1995, tertuduh menang lagi dan dilantik semula sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Adalah diperhatikan bahawa tertuduh adalah ahli Dewan Undangan Negeri dan juga ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 1992, 1993 dan 1994 yang merupakan tarikh yang relevan kepada tiga pertuduhan itu.

Tertuduh telah berkahwin dengan Noraini bt. Abd. Satar pada 26 Jun 1981 dan menurut keterangan Pegawai Agama Islam, Tampin yang merujuk kepada Buku Daftar Nikah Daerah Tampin, tertuduh masih beristerikan Noraini bt. Abd. Satar sehingga tarikh perbicaraan kes ini. Kadi Daerah Tampin pada 1978 – 1986 mengesahkan telah menandatangani surat keterangan nikah antara tertuduh dengan Noraini bt. Abd. Satar dan mengemukakan surat nikah itu sebagai eks. P11-B.

Penubuhan Syarikat

Syarikat Teraju Nusantara telah diperbadankan pada 4 November 1991 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad menurut saham. Pengarah dan penyumbang saham syarikat ini – masing-masing memiliki satu saham bernilai RM1 – ialah Milah bt. Haron, Abd. Wahab b. Ahmad dan Noraini bt. Abd. Satar. Milah bt. Haron ialah isteri kepada Ismail b. Ma'arof, seorang pelukis pelan di pejabat Tanah Daerah Tampin. Abd. Wahab b. Abmad ialah seorang guru penolong kanan di Sekolah Kebangsaan Gemencheh, Noraini bt. Abd. Satar ialah isteri tertuduh dan mengajar di sekolah yang sama dengan Abd. Wahab b. Ahmad.

Syarikat Teraju Nusantara setelah diperbadankan telah memohon tanah seluas 28.24 hektar bagi maksud kuari granite (secara pajakan) di Mukim Repah, Daerah Tampin. Permohonan ini telah diproses oleh Pentadbir Tanah Daerah Tampin untuk dibentang dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin supaya disokong atau tidak disokong untuk diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Tertuduh menghadapi tiga pertuduhan asal yang berbunyi:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 21hb. Disember 1992, lebih kurang jam 10.00 pagi di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Tampin, dalam Negeri, Negeri Sembilan, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, kawasan Gemencheh, Tampin telah melakukan perbuatan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam kamu untuk faedah diri kamu, iaitu telah mengambil bahagian dalam satu keputusan oleh Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin yang mana kamu mempunyai kepentingan iaitu, memutuskan supaya permohonan daripada Syarikat Teraju Nusantara Sdn. Bhd. untuk memiliki tanah kerajaan di Mukim Repah, Daerah Tampin seluas lebih kurang 20.146 hektar secara lesen pendudukan sementara dan permit seluas 4 hektar secara pemberian hakmilik untuk perusahaan kuari dalam fail permohonan PTT 1/2/545 dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan dengan syor untuk diluluskan yang mana isteri kamu Datin Noraini bte Abd. Satar adalah seorang pemegang saham syarikat tersebut dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 28hb. April 1993, lebih kurang jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dalam Daerah Seremban dalam Negeri, Negeri Sembilan, semasa menjadi seorang anggota Pentadbiran iaitu seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan telah melakukan perbuatan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam kamu untuk faedah diri kamu, iaitu kamu telah mengambil bahagian dalam satu keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tersebut yang mana kamu mempunyai kepentingan iaitu, keputusan meluluskan pemberian milikan tanah secara pajakan Negeri bagi tempoh 60 tahun seluas 28.24 hektar dalam fail permohonan No. PTT 1/2/545 bagi tujuan perusahaan kuari kepada Syarikat Teraju Nusantara Sdn. Berhad di Mukim Repah, Daerah Tampin yang mana isteri kamu Datin Noraini bte Abd. Satar adalah seorang pemegang saham syarikat tersebut dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970.

Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu pada 26hb. Januari 1994, lebih kurang jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dalam Daerah Seremban dalam Negeri, Negeri Sembilan, semasa menjadi seorang anggota Pentadbiran iaitu seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan telah melakukan perbuatan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam kamu untuk faedah diri kamu, iaitu kamu telah mengambil bahagian dalam satu keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tersebut yang mana kamu mempunyai kepentingan iaitu, keputusan meluluskan permohonan melanjutkan tempoh bayaran premium selama 6 bulan lagi ke atas tanah seluas 28.24 hektar

dalam fail permohonan No. PTT 1/2/545 di Mukim Repah, Daerah Tampin, yang diluluskan kepada Syarikat Teraju Nusantara Sdn. Berhad pada 28hb April 1993 yang mana isteri kamu Datin Noraini bte Abd. Satar adalah salah seorang pemegang saham syarikat tersebut dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970.

Pertuduhan Pertama: Pembuktian

Abdullah Sani b. Abd. Hamid (SP6) seorang Penolong Setiausaha Kerajaan, Bahagian Dewan dan Protokol telah menerangkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 21 November 1990 telah menimbangkan Kertas MMK.N5 No. 1723/90 mengenai perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa Tanah Daerah-Daerah Negeri Sembilan termasuk bagi Daerah Tampin. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan perlantikan Pentadbir Tanah Daerah Tampin sebagai Pengurusi dan YB Encik Waad bin Mansor dan beberapa orang lagi sebagai ahli Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin mulai 1 Disember 1990 sehingga pilihanraya 1995.

Pada 21 Disember 1992 Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin telah menimbangkan permohonan daripada Teraju Nusantara Sdn. Bhd. untuk memiliki tanah Kerajaan di Mukim Repah, Daerah Tampin seluas lebih kurang 20.146 hektar berserta dengan permit untuk perusahaan pecah batu (kuari). Munurut keterangan Hj. Mahadi b. Arshad (SP8) seorang Pentadbir Tanah Daerah Tampin merangkap Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin, Dato' Waad bin Mansor hadir di mesyuarat itu. Beliau tidak mengisytiharkan kepentingannya dan beliau tidak menarik diri dari menghadiri mesyuarat itu. Jawatankuasa tersebut telah memutuskan supaya permohonan itu dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan syor untuk diluluskan seluas 20.146 hektar secara Lesen Pendudukan Sementara dan Permit dan seluas 4 hektar secara pemberian hakmilik (pajakan Negeri) seperti syarat-syarat di para 5.1 dan 5.2 KM No. 149/92. Minit Mesyuarat yang mencatatkan keputusan sedemikian telah disahkan dalam mesyuarat yang berikutnya tanpa sebarang pindaan di mana tertuduh hadir dan tidak membuat sebarang pindaan atau pembetulan.

Pertuduhan Kedua: Pembuktian

Ekoran dari keputusan Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin dengan syor untuk meluluskan permohonan Teraju Nusantara itu, suatu kertas Mesyuarat No. 903/93 mengenai permohonan Teraju Nusantara telah dibentangkan dan dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 28 April 1993. Mesyuarat ini dipengerusi oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad. Tertuduh turut hadir di mesynarat ini. Menurut keterangan Ramli bin Mohd. Noor (SP13)

seorang Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan tertuduh tidak keluar dari mesyuarat ini dan tidak mengisytiharkan kepentingannya. Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menimbangkan permohonan Teraju Nusantara dan membuat keputusan:

(1) Meluluskan pemberi milikan tanah secara pajakan Negeri seluas 28.24 hektar bagi tujuan perusahaan kuari bagi tempoh 60 tahun dengan kadar premium sebanyak RM500 se ekar dan

(2) Mengeluarkan satu permit untuk memecah, mengeluar dan memindahkan bahan batuan.

Keputusan ini telah disahkan dalam mesyuarat Majlis yang berikutnya di mana tertuduh hadir dan tidak membuat sebarang pindaan atau pembetulan mengenainya.

Pertuduhan Ketiga: Pembuktian

Setelah Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan tanah kuari seluas 28.24 hektar itu dan mengenakan premium sebanyak RM500 se ekar, Teraju Nusantara gagal membayar premium itu. Maka Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 26 Januari 1994 telah membincangkan semula permohonan Teraju Nusantara dan membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh bayaran premium itu selama enam bulan lagi. Setiausaha Majlis Mesyuarat mengesahkan sekali lagi bahawa tertuduh hadir di mesyuarat itu dan beliau tidak menarik diri atau mengisytiharkan kepentingannya dan apabila Minit Mesyuarat Majlis mengenainya disahkan dalam mesyuarat berikutnya tertuduh tidak membuat sebarang pindaan atau pembetulan.

Pertimbangan

Setelah mendengar keterangan saksi-saksi pendakwaan yang diperkuatkan dengan catatan-catatan dalam Minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan, adalah terbukti tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa tertuduh hadir di mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin dan di mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 21 Disember 1992 dan pada 28 April 1993 serta 26 Januari 1994 di mana mesyuarat tersebut telah menimbangkan dan meluluskan permohonan Teraju Nusantara yang pada tarikh-tarikh tersebut Datin Noraini bt. Abd. Satar adalah seorang Pengarah dan pemilik saham Teraju Nusantara. Datin Noraini bt. Abd. Satar pada tarikh tersebut ialah isteri tertuduh.

Tertuduh telah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan sejak 1986 dan sewajarnya tahu untuk mengisytiharkan sebarang kepentingannya jika ada, atau menarik diri dari menghadiri mesyuarat. Minit mesyuarat Majlis ada menunjukkan bahawa tertuduh pernah berbuat sedemikian. Oleh hal yang

demikian sekiranya tertuduh ada menarik diri atau mengisytiharkan kepentingannya tetapi Setiausaha Majlis gagal mencatatkannya tertuduh tentu tahu bahawa beliau boleh membuat pindaan atau pembetulan semasa minit mesyuarat mengenainya dibentangkan dalam mesyuarat berikutnya untuk disahkan. Menurut Setiausaha Majlis tertuduh tidak berbuat demikian.

Tindakan Dan Kelakuan Tertuduh

Seterusnya mahkamah ini telah mendengar keterangan beberapa orang saksi yang menerangkan bahawa tindakan, tingkahlaku dan urusan tertuduh mahupun isterinya menunjukkan bahawa kepentingan tertuduh mahupun kepentingan isterinya wujud dan masih berterusan pada ketiga-tiga tarikh yang berkenaan di dalam pertuduhan itu. Umpamanya, Dato' Rosie Tan (SP15) seorang ahli perniagaan/pelabur perniagaan yang merupakan seorang saksi penting, telah menerangkan bahawa Teo Soon Chneh (SP16) setelah membuat rundingan awal dengan Datin Noraini, Cikgu Wahab, Ismail (suami Milah bt. Haron) telah membawa Dato' Waad, Datin Noraini, Cikgu Wahab, Milah dan Ismail berjumpa Dato' Rosie Tan di Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Mereka datang berbincang hendak menjual kuari. Dato' Rosie Tan bersetuju dan memutuskan untuk membelinya dengan harga RM1.1 juta dan mengarahkan peguamnya untuk menyediakan perjanjian jualbeli kuari itu. Apabila disoal balas oleh peguambela tertuduh, Dato' Rosie Tan menegaskan bahawa tertuduh dan isterinya datang ke Pan Pacific Hotel untuk memperkenalkan Syarikat Teraju Nusantara. Seterusnya beliau menjawab dia tidak diberitahu Datin Noraini telah meletak jawatan dari syarikat itu.

Di satu masa yang lain tertuduh telah pergi melawat tanah kuari berkenaan dengan Dato' Rosie Tan dan Teo Soon Cbneh berserta Cikgu Wahab dan Ismail. Minat tertuduh untuk pergi menunjukkan tanah kuari itu kepada Dato' Rosie Tan tidak sehaluan dengan sikap seorang yang tiada kepentingan ataupun tidak kena mengena.

Seperkara lagi yang lebih menyerlah dan memantapkan lagi pembuktian bahawa tertuduh secara terus mahupun melalui isterinya masih ada kepentingan dalam Teraju Nusantara pada tarikh-tarikh yang relevan dalam pertuduhan itu ialah tentang pembayaran dan harga jualbeli saham Teraju Nusantara yang diterima oleh tertuduh sendiri dan isterinya. Tertuduh telah menerima wang tunai sebanyak RM150,000 pada 19 May 1994 dan Dato' Rosie Tan yang diperihalkan dan dicatat dalam buku notanya sebagai "loan to him and agreed to deduct from the final payment for the quarry, the above people agreed". Datin Noraini pula menerima wang pendahuluan dari jualbeli saham Teraju Nusantara sebanyak RM100,000 dari Dato' Rosie Tan pada tarikh yang sama dan kemudiannya menerima RM10,000 pada 6 Jun 1994, RM10,000 lagi pada 13 Ogos 1994 dan RM10,000 lagi pada 9 September 1994 semuanya dari Dato'

Rosie Tan yang membuat catatan dalam buku notanya. Bayaran RM100,000 dibuat melalui sekeping cek the Bank of Tokyo Ltd. atas nama Noraini binte Abd. Satar (590101-05-5442). (Eks. P33A). Cikgu Wahab dan Milah bt. Haron masing-masing menerima RM50,000 dan Dato' Rosie Tan. (Eks. P33B dan P33C).

Akhir sekali pada membuat penilaian maxima terhadap keterangan saksi pendakwaan dan meneliti keterangan dokumentar saya terpegun dengan laluan express yang dinikmati oleh Teraju Nusantara samada di pejabat Tanah Daerah Tampin mahupun di pejabat Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan. Teraju Nusantara ditubuhkan pada 4 November 1991 dengan modal berbayar sebanyak RM3 dan tiga minggu kemudian pada 25 November 1991 Pentadbir Tanah Daerah Tampin telah menerima permohonan dari Teraju Nusantara untuk memiliki tanah Kerajaan seluas 20.146 hektar. Laporan dari jabatan-jabatan teknikal menunjukkan tiada jabatan menghalang permohonan itu. Lantaran itu Pentadbir Tanah Daerah Tampin sendiri menyokong permohonan itu. Akhirnya kertas mesyuarat (eks. P21) telah disediakan pada 15 Disember 1992 dan enam hari kemudian pada 21 Disember 1992 kertas mesyuarat itu telah dibentang, dipertimbang dan disokong untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Empat bulan kemudian Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan permohonan Teraju Nusantara. Maka timbul tandatangan bagaimanakah isteri seorang tracer atau guru penolong kanan boleh mendapat laluan express di jabatan kerajaan kalau tidak kerana pengaruh Datin Noraini, isteri kepada seorang ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan pilihanraya Gemencheh di Daerah Tampin serta ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan. Melihat kepada fakta keseluruhan kes ini dan hal keadaan bagaimana dan cara mana Teraju Nusantara memohon tanah kuari itu maka amat menakjubkan jika tertuduh tidak tahu siapa sebenarnya memohon tanah kuari seluas 70 ekar di Mukim Repah dalam kawasan pilihanraya Gemencheh yang nilai pasarannya bernilai anggaran satu juta ringgit.

Kesimpulan dari pertimbangan seperti di atas saya dapati pendakwaan telah membuktikan kesnya berdasarkan pembuktian *prima facie* tanpa keraguan yang munasabah ke atas tiga pertuduhan sebagaimana dipinda dan meminta tertuduh membela diri: Seksyen 180 Kanun Acara Jenayah. (Lihat juga kes terbaru *Lt. Kol. Yusof bin Abdul Rahman v. Kol. Anuar bin Md. Amin* [1997] 2 CLJ 752; [1997] 1 MLJ 562). Pertuduhan terpinda itu mengkhususkan kepentingan tertuduh kepada kepentingan kewangan.

Pertuduhan Pertama Terpinda

Bahawa kamu pada 21hb. Disember 1992, lebih kurang jam 10.00 pagi di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Tampin, dalam Negeri Sembilan, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, kawasan Gemencheh, Tampin telah melakukan perbuatan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam kamu untuk faedah kewangan kamu, iaitu telah mengambil bahagian dalam satu keputusan oleh Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin yang mana kamu mempunyai kepentingan iaitu, memutuskan supaya permohonan daripada Syarikat Teraju Nusantara Sdn. Bhd. untuk memiliki tanah kerajaan di Mukim Repah, Daerah Tampin seluas lebih kurang 20.146 hektar secara lesen pendudukan sementara berserta dengan permit dan seluas 4 hektar secara pemberian hakmilik untuk perusahaan kuari dalam fail permohonan PTT 1/2/545 dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan dengan syor untuk diluluskan dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970.

Pertuduhan Kedua Terpinda

Bahawa kamu pada 28hb. April 1993, lebih kurang jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dalam Daerah Seremban dalam Negeri, Negeri Sembilan, semasa menjadi seorang anggota Pentadbiran iaitu seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan telah melakukan perbuatan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam kamu untuk faedah kewangan kamu, iaitu telah mengambil bahagian dalam satu keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tersebut yang mana kamu mempunyai kepentingan iaitu, keputusan meluluskan pemberian milikan tanah secara pajakan Negeri bagi tempoh 60 tahun seluas 28.24 hektar dalam fail permohonan No. PTT 1/2/545 bagi tujuan perusahaan kuari kepada Syarikat Teraju Nusantara Sdn. Berhad di Mukim Repah, Daerah Tampin dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970.

Pertuduhan Ketiga Terpinda

Bahawa kamu pada 26hb. Januari 1994, lebih kurang jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dalam Daerah Seremban dalam Negeri, Negeri Sembilan, semasa menjadi seorang anggota Pentadbiran iaitu seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan telah melakukan perbuatan rasuah dengan menggunakan kedudukan awam kamu untuk faedah kewangan kamu, iaitu kamu telah mengambil bahagian dalam satu keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tersebut yang mana kamu mempunyai kepentingan iaitu, keputusan meluluskan permohonan melanjutkan tempoh bayaran premium selama 6 bulan lagi ke atas tanah seluas 28.24 hektar dalam fail permohonan No. PTT 1/2/545 di Mukim Repah, Daerah Tampin, yang diluluskan kepada Syarikat Teraju Nusantara Sdn. Berhad pada 28hb April 1993 dan oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970.

Pembelaan *a*

Pembelaan tertuduh berbentuk dua wajah: pertama tertuduh sesungguhnya percaya bahawa isterinya Datin Noraini telah meletakkan jawatan sebagai pengarah dan melupuskan sahamnya dalam Teraju Nusantara sebelum tiga tarikh yang relevan itu dan kedua seandainya nama Datin Noraini masih kekal sebagai pengarah dan pemegang saham Teraju Nusantara, ia merupakan kesilapan teknikal dan sesungguhnya tertuduh mahupun isterinya tidak menerima sebarang bayaran dari Dato' Rosie Tan daripada hasil jualan saham Teraju Nusantara kepada Handro Bina. *b*

Tertuduh menerangkan kepada mahkamah bahawa pada 1992 dia diberitahu oleh isterinya yang Cikgu Wahab Ahmad seorang guru penolong kanan sekolah di mana isterinya mengajar, telah melantik Datin Noraini sebagai seorang pengarah dan pemilik saham sebuah syarikat. Tertuduh tidak bersetuju dengan perlantikan itu dan memanggil Cikgu Wahab untuk mendapatkan penjelasannya. Cikgu Wahab menjelaskan yang dia melantik Datin Noraini kerana kasihankan dia yang pada masa itu nampak terumbang ambing dalam kesedihan kerana tertuduh telah berkahwin satu lagi pada Februari 1992. Tertuduh terima penjelasan Cikgu Wahab dan seterusnya mengarahkan Cikgu Wahab supaya mengeluarkan Datin Noraini daripada menjadi pengarah dan pemilik saham syarikat itu. Tertuduh bertindak sedemikian kerana beliau adalah ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan tidak mahu isterinya ada apa-apa kepentingan dalam syarikat itu. *c* *d* *e*

Pada satu malam tidak lama daripada pertemuan itu, Cikgu Wahab dan Ismail datang ke rumah dan membawa beberapa dokumen untuk ditandatangani. Tertuduh melihat Datin Noraini menandatangani dokumen bagi meletakkan jawatan sebagai pengarah dan melupuskan sahamnya dalam syarikat itu. Ini berlaku sebelum tertuduh menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin pada 21 Disember 1992. Tertuduh percaya dan yakin Datin Noraini tidak ada lagi sebarang kepentingan dalam syarikat itu semasa beliau menghadiri mesyuarat pada 21 Disember 1992 dan kemudiannya di Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 28 April 1993 dan 26 Januari 1994. Tertuduh menegaskan seandainya Datin Noraini masih ada sebarang kepentingan dalam syarikat itu tertuduh pasti akan mengisytiharkan kepentingan itu dan ini amat mudah dan tiada masalah baginya. *f* *g*

Cikgu Wahab Ahmad (SD2) menyokong keterangan tertuduh dalam beberapa perkara yang penting, khususnya mengenai perletakan jawatan dan pelupusan kepentingan Datin Noraini dalam syarikat itu. Cikgu Wahab mengesahkan Datin Noraini kerapkali mengadu dan menangis kerana rumahtangganya retak disebabkan Dato' Waad hendak kahwin lagi dan menyebabkan masa depannya gelap. Kerana kasihankan Datin Noraini, Cikgu Wahab menjemput Datin *h* *i*

Noraini masuk dalam syarikat itu. Ini mendapat tentangan dari tertuduh. Tertuduh mengarahkan Cikgu Wahab supaya mengeluarkan Datin Noraini dari syarikat itu. Cikgu Wahab menyuruh Ismail untuk memberitahu abangnya Jalil supaya menyediakan dokumen yang perlu untuk mengeluarkan Datin Noraini. Jalil telah menyerahkan beberapa dokumen kepada Ismail yang diserahkan pula kepada Cikgu Wahab untuk ditandatangan oleh Datin Noraini. Dokumen yang ditandatangani Datin Noraini telah dipulangkan semula kepada Jalil melalui Ismail. Cikgu Wahab berkata Datin Noraini meletak jawatan sebagai pengarah dan melupuskan sahamnya dalam Syarikat Teraju Nusantara pada 20 November 1992. Pada 1993 Datin Noraini tandatangan sekali lagi dokumen perletakan jawatan dan perlupusan saham dan menyerahkan dokumen itu kepada Jalil melalui Ismail.

Jalil bin Maarof ialah saksi pembelaan yang ke empat. Pada 1992 dia menerima arahan dari Ismail untuk mengeluarkan Datin Noraini dari Syarikat Teraju Nusantara. Jalil menyampaikan arahan itu kepada setiausaha syarikat, Hisham Baba yang terus menyediakan Borang 49 dan Borang 24 serta resolusi syarikat. Datin Noraini telah menandatangani borang tersebut dan ia dikembalikan kepada Hisham Baba melalui Jalil. Jalil ada diberitahu oleh Ismail bahawa perletakan jawatan Datin Noraini telah dibuat tetapi pemindahan sahamnya belum dibuat. Hisham Baba menyediakan borang baru. Jalil juga ada diberitahu oleh Hisham Baba bahawa yuran setiausaha belum dibayar dan jika tidak dibayar dia tidak akan mengambil apa-apa tindakan lanjut mengenai kedudukan Datin Noraini dalam syarikat itu. Jalil mengesahkan ada melihat Borang 32A yang asal yang ditandatangani oleh Datin Noraini bagi memindahkan sahamnya kepada Milah bt. Harun bertarikh pada 20 November 1992.

Saya dapati setakat ini keterangan tertuduh disokong oleh saksi-saksi yang berkepentingan dan menunjukkan kecenderungan untuk menyebelahi tertuduh. Cikgu Wahab ialah pemegang saham dan Jalil ialah abang ipar Milah bt. Haron. Seterusnya tertuduh mengemukakan seorang saksi bebas dan credible; seorang gurubesar. Gurubesar itu (SD5) berkata Dato' Waad ada menelefonnya pada bulan Oktober 1992 meminta tolong menasihatkan Datin Noraini supaya meletakkan jawatannya sebagai pengarah dan melupuskan sahamnya dalam Syarikat Teraju Nusantara. Saksi ini ingat peristiwa itu berlaku pada bulan Oktober 1992 kerana beliau baru bertukar dan mengambil alih sebagai gurubesar di sekolah itu. Lantas beliau menasihatkan Datin Noraini supaya berbuat demikian. Keterangan saksi ini dicabar dengan panjang lebar oleh pendakwa mengenai perhubungannya dengan tertuduh, dengan Datin Noraini dan dengan Cikgu Wahab, khususnya tentang kedudukan Cikgu Wahab sebagai pengarah syarikat di samping menjadi seorang guru. Namun saya dapati saksi ini bercakap benar dan saya terima keterangannya.

Seterusnya pada menimbangkan pembelaan tertuduh bahawa tertuduh percaya isterinya tiada lagi apa jua kepentingan dalam Teraju Nusantara sebelum tertuduh menghadiri ketiga-tiga mesyuarat itu, saya kena mengimbas kembali keterangan dua orang saksi iaitu YAB Menteri Besar Negeri Sembilan (SP20) dan Hisham Baba, setiausaha syarikat yang dipanggil oleh mahkamah. YAB Menteri Besar mengesahkan bahawa tertuduh hadir di Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 28 April 1993 dan pada 26 Januari 1994 semasa permohonan Teraju Nusantara dibentang dan dipertimbangkan. Tertuduh tidak keluar dari mesyuarat itu dan tidak mengisytiharkan sebarang kepentingannya. Saksi ini mengesahkan juga yang tertuduh tidak membuat sebarang pindaan atau pembetulan apabila Minit Mesyuarat itu disahkan. Saya membuat kesimpulan saksi ini berkata benar. Selanjutnya dalam pemeriksaan balas oleh peguambela tertuduh, YAB Menteri Besar berkata "pada mesyuarat 28 April 1993 semasa EXCO menimbangkan permohonan Teraju Nusantara, tertuduh ada bertanya saya di pejabat saya sama ada dia perlu mengisytiharkan kepentingannya kerana isterinya dulu pengarah dan ada kepentingan tapi sekarang bukan lagi pengarah dan tiada kepentingan. Saya beritahu tertuduh dia tidak perlu isytiharkan". Saksi berseloroh dengan bertanya isteri yang mana dan tertuduh menjawab isteri pertama. Saksi mengulangi kenyataan ini apabila disoal semula oleh pendakwa, dengan menambah tiada orang lain hadir semasa perbualan itu. Saya percaya saksi ini berkata benar dan tidak menokok tambah. Seloroh YAB Menteri Besar bertanya tertuduh isteri yang mana adalah tepat dan tidak keterlanjuran kerana tertuduh pada masa itu beristeri dua dan tertuduh dengan saksi telah sama-sama menjadi ahli Dewan Undangan Negeri sejak 1982 dan dijangka rapat dan mesra.

Hisham Baba adalah seorang saksi yang dipanggil oleh mahkamah menurut budibicaranya di bawah s. 425 Kanun Acara Jenayah. Beliau diberitahu kedudukannya dan mahkamah mengingatkannya supaya tidak memihak kepada mana-mana pihak dan hendaklah memberi keterangan untuk menegakkan keadilan. Saksi ini berkata beliau telah dilantik menjadi Setiausaha Syarikat Teraju Nusantara. Pada 1992 Jalil mengarahkannya untuk menyediakan dokumentasi perletakan jawatan dan permindahan saham Datin Noraini dalam Teraju Nusantara mulai 20 November 1992. Hisham Baba telah menyediakan Borang 49 dan Borang 32A dan menyerahkannya kepada Jalil berserta inbois fee setiausaha. Tarikh yang dicatat dalam kedua-dua borang itu ialah 20 November 1992. Borang 49 itu tidak difailkan di Pejabat Pendaftaran Syarikat kerana Jalil pulangkan Borang 49 dan Borang 32A tanpa bayaran fee setiausaha. Borang 32A tidak perlu difailkan di Pejabat Pendaftaran Syarikat dan disimpan dalam fail setiausaha. Kemudian atas arahan Jalil, Hisham Baba menyediakan Borang 49 dan Borang 32A kali kedua dan menyerahkannya kepada Jalil. Setelah diproses Borang 49 itu difailkan dengan Pejabat Pendaftaran Syarikat. Menurut Borang 49 yang diterima di Pejabat Pendaftaran

Syarikat, ia bertarikh 26 Februari 1993 dan Noraini bt. Abd. Satar meletak jawatan sebagai pengarah mulai 26 Februari 1993. (Eks. P17A). Jalil hanya membayar fee setiausaha (bersama hadiah perkahwinan Hisham Baba) dua, tiga hari sebelum hari perkahwinannya pada 22 Mei 1994. Pada 30 Mei 1994 Hisham Baba telah menyuruh pekerjanya Mohd. Ramli Bahari mematikan setem pada Borang 32A. (Eks. P8). Tarikh asal borang ini ialah 30 Mei 1994 yang telah dipadam dengan cecair dan diganti dengan tarikh 26 Februari 1993. Dari keterangan Hisham Baba, beliau tidak berganjak dan tetap berpendirian walaupun disoal balas bertubi-tubi, bahawa beliau menyediakan Borang 49 dan Borang 32A dua kali: pertama pada 20 November 1992 bilamana Datin Noraini meletak jawatan dan memindahkan sahamnya dan kedua pada 26 Februari 1993 menurut eks. P17A. Keterangan ini konsistan dengan keterangan Jalil, Cikgu Wahab dan tertuduh. Saya telah meneliti dengan rapi keterangan Hisham Baba dan menganalisa perkara-perkara yang dia ingat, yang dia tak ingat, yang dia ingat semula setelah ditanya berkali-kali dan setelah melihat beberapa eksibit. Saya membuat kesimpulan saksi ini boleh dipercayai.

Setelah saya merangkumi semula keterangan Cikgu Wahab yang diarah oleh tertuduh untuk mengeluarkan Datin Noraini dari syarikat itu, keterangan Jalil yang menerima arahan dari Ismail untuk mengeluarkan Datin Noraini dan syarikat itu dan menyerahkan Borang 49 dan Borang 32A untuk ditandatangani, keterangan Hisham Baba yang menyediakan dua set Borang 49 dan Borang 32A bertarikh 20 November 1992 dan 26 Februari 1993 dan seterusnya keterangan YAB Menteri Besar tentang pertanyaan tertuduh sama ada tertuduh perlu isytiharkan kepentingannya apabila dulu isterinya ada kepentingan tetapi pada masa itu isterinya tiada lagi kepentingan – maka saya dapati amnya keterangan saksi-saksi tersebut mungkin benar walaupun ada perkara yang meragukan dan oleh hal yang demikian pembelaan tertuduh telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Dengan perkataan lain tertuduh tidak menggunakan kedudukannya untuk kepentingannya apabila mahkamah mendapati benar tertuduh sesungguhnya percaya pada masa beliau hadir di mesyuarat-mesyuarat itu isterinya tiada lagi apa-apa kepentingan dalam syarikat itu. Bak kata YA Hashim Yeop A. Sani “In other words the law aims to strike at every act of a member of the Administration or public officer which amounts to an abuse of his public position or office for his personal advantage.” *PP v. Dato’ Haji Mohamed Muslim*. Penekanan ialah kepada menyalahguna kuasa.

Demi untuk melengkapkan penghakiman ini dan untuk mengakhirinya saya sentuh tentang wajah kedua pembelaan tertuduh. Saya menerima hakikat bahawa sebenarnya Datin Noraini telah menandatangani borang perletakan jawatan dan pemindahan saham dalam Teraju Nusantara pada 20 November 1992 tetapi ia tidak berkesan kerana Hisham Baba tidak memfailkan Borang

49 itu dan Borang 32A pula tidak dapat dieksibitkan secara sah di mahkamah. Eksibit 1d D48 bertarikh 20 November 1992 dan dimatikan setem pada 20 November 1992 serta eks. 1d D35 yang bertarikh 20 November 1992 ditolak oleh mahkamah. Tetapi saya tidak menerima hakikat bahawa tertuduh dan isterinya tidak menerima wang sebanyak RM280,000 dari Dato' Rosie Tan hasil dari jualan saham Teraju Nusantara kepada Hanro Bina. Keterangan Dato' Rosie Tan mengenai pembayaran RM150,000 kepada tertuduh dan RM130,000 kepada Datin Noraini terlalu terang, ketat dan padat dan tak boleh disangkal. Bayaran itu tercatat dalam buku notanya. Pinjaman RM150,000 kepada Dato' Waad dibayar balik dari hasil jualan saham Teraju Nusantara kepada Syarikat Left Turn, begitu juga pendahuluan RM130,00 yang diterima oleh Datin Noraini. Adalah terlalu bacul untuk mahkamah ini menerima keterangan tertuduh kononnya Datin Noraini telah mengagihkan RM100,000 yang diterimanya dan Dato' Rosie Tan, kepada Cikgu Wahab dan Milah. Seorang yang terdesak wang dan meminta pendahuluan RM10,000 hampir setiap bulan dari Dato' Rosie Tan tetap tidak akan menolak wang RM100,000 itu dan sebaliknya akan menerimanya ibarat pucuk dicita ulam mendatang. Pada nada yang sama keterangan tertuduh kononnya pinjaman RM150,000 itu adalah pinjaman peribadi yang tidak kena mengena dengan harga jualan saham Teraju Nusantara adalah suatu rekaan dan helah. Ia bertentangan dengan catatan Dato' Rosie Tan dalam buku notanya dan berlawan dengan keterangan bahawa semua bayaran kepada tertuduh dan Datin Noraini telah dibayar balik dari hasil jualan saham Teraju Nusantara kepada Syarikat Left Turn. Kesimpulan dari penolakan pembelaan wajah kedua tertuduh kononnya tertuduh dan isterinya tidak menerima apa-apa wang dari jualan saham Teraju Nusantara, pembelaan tertuduh bahawa tertuduh sesungguhnya percaya isterinya tiada apa-apa kepentingan pada tiga tarikh tersebut adalah tidak terjejas.

Pada pendapat saya tertuduh tidak menggunakan kedudukannya untuk kepentingannya di bawah s. 2 Akta itu walaupun tertuduh dan isterinya ada menerima wang/kepentingan kewangan jika mahkamah menerima pembelaan tertuduh bahawa tertuduh sesungguhnya percaya isterinya tiada sebarang kepentingan semasa tertuduh menghadiri tiga mesyuarat tersebut. Sebagaimana dihuraikan terdahulu, saya menerima pembelaan tertuduh. Pembelaan tertuduh menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Maka oleh hal yang demikian, saya lepaskan dan bebaskan tertuduh daripada ketiga-tiga pertuduhan terpinda itu.

a

b **This page is intentionally left blank**

c

d

e

f

g

h

i